

11 MAR 1999

Mahathir-Pesta

RIBUAN BERPESTA MENUNGGU PERDANA MENTERI

RANAU, 11 Mac (Bernama) -- Ribuan penduduk dari daerah Ranau membanjiri Tapak Tamu Seberang Sungai di sini untuk melihat sendiri wajah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendengar ucapannya sebelum keluar mengundi esok dan Sabtu.

Mereka meninggalkan kampung-kampung pedalaman di kaki Gunung Kinabalu sejak awal pagi seakan-akan berpesta menanti pemimpin yang mereka cintai dan sanjungi itu.

Tetapi hasrat mereka tidak kesampaian, kerana helikopter yang membawa Dr Mahathir dan rombongannya tidak dapat bertolak ke pekan itu kerana keadaan cuaca menyukarkan penglihatan.

Bagaimanapun, kecanggihan teknologi komunikasi membolehkan Perdana Menteri menyampaikan ucapannya menerusi telefon yang disiarkan melalui radio terus dari Kota Kinabalu.

Dari bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Perdana Menteri bercakap menerusi telefon terus ke pembesar suara untuk didengar oleh beribu-ribu penduduk daerah ini yang menunggu ketibaannya.

Dr Mahathir sepatutnya menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di tapak tamu itu pada pukul 2 petang selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kudat, di utara Sabah pada sebelah pagi.

Pentasrama Jabatan Penerangan dan penyanyi-penyanyinya dan Kombo Yayasan Pahang bersama penyanyi "evergreen" Datin Rafiah Buang menghiburkan mereka yang berada di tapak tamu situ.

Suasana riuh dan gembira kemudian bertukar kepada kehampaan apabila juruacara mengumumkan bahawa Perdana Menteri tidak dapat berada bersama seperti dijadualkan kerana cuaca tidak mengizinkan.

Mereka yang turut menunggu ketibaan Perdana Menteri di tapak tamu itu termasuk Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gadam.

-- BERNAMA

SJA FAZ